

BIZMART PENDING: INOVASI RAK MAKANAN DIDALAM KEUSAHAWANAN SOSIAL

Disediakan oleh


Putra Faizurrahman Zahid ,Dr Nik Nor Hasimah Nik Ismail,Nurul Syaquirah Zulqernain,Nik Suriati Nik Hassan
Dr Zurina Ismailputraf278@uitm.edu.my
putrafaizurrahman@gmail.com

Bizmart Pending adalah satu inovasi para pensyarah Fakulti Pengurusan dan Peniagaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan untuk memastikan penyediaan makanan kepada mahasiswa tercapai secara bersasar. Perkataan Bizmart itu diambil dari entiti yang menjalankan makmal perniagaan runcit iaitu Bizmart Books and Such terletak berhampiran dengan Rak *Bizmart Pending* ini merupakan pihak pertama yang menyediakan sumbangan rak dan makanan untuk projek ini diteruskan. Berbekalkan RM500, rak makanan, tub sumbangan dan makanan bertarikh luput disediakan di ruang legar Pusat Pelajar UiTM Caw. Kelantan. Perkataan *pending* pula adalah untuk menunjukkan makanan yang sentiasa ada disitu boleh dibeli dan diambil secara kredit dan percuma.

Kaedah penyediaan rak makanan *Bizmart Pending* adalah berdasarkan konsep penilaian sendiri, iaitu pelajar dan mahasiswa boleh meletakkan kategori sendiri pada golongan mana yang mereka rasa mereka berada. Bagi pelajar yang mampu dan boleh membeli, mereka boleh membeli makanan di rak *Bizmart Pending* pada bila-bila masa dan bayaran tunai dimasukkan kedalam tub bayaran. Bagi pelajar yang mungkin menanti elaun dan duit yang belum masuk, mereka rasa ingin berhutang untuk mendapatkan makanan, disini Bizmart Pending menyediakan bayaran pending 1, pembelian secara kredit sama ada sebahagian atau hutang sepenuhnya. Bagi pelajar yang betul-betul susah, Bizmart Pending membenarkan makanan diambil tanpa bayaran, iaitu kaedah pending 2. Makanan percuma. Semua ini adalah berdasarkan penilaian sendiri pelajar dan *Bizmart Pending* menyediakan platform ini berdasarkan kategori yang mereka pilih sendiri.

Selain itu, rak Bizmart Pending juga menyediakan platform untuk sesiapa menderma secara tunai, dengan memasukkan tunai kedalam tub bayaran/derma. Penderma yang ingin membeli makanan dan ingin membuat bayaran lebih untuk derma juga boleh berbuat demikian. Selain itu, rak ini juga boleh menerima makanan yang bertarikh luput dan ada tanda harga untuk jualan dan makanan percuma.

Segala hasil (tunai) sama ada jualan atau derma kepada Bizmart Pending juga adalah dikitar untuk pembelian makanan sepenuhnya tanpa kos. Jadi segala jualan juga akan menjadi hasil makanan yang bakal dijual atau didermakan kembali berdasarkan konsep penilaian sendiri yang disebut tadi.

Gambar 1: Model Rak Makanan *Bizmart Pending*

Rak *Bizmart Pending* adalah hasil adaptasi model asas keusahawanan sosial yang dibina untuk menyelesaikan beberapa masalah utama dalam penyediaan makanan percuma kepada pelajar dan pihak yang didalam kesusahan. Seperti gerobok rezeki dan rak makanan percuma, rak Bizmart Pending mampu menyelesaikan isu kelestarian penggunaan (sustainability) dengan penyediaan berterusan makanan. Tambahan pula,

rak ini mampu mengelakkan isu pelajar malu jika mereka dikaitkan dengan golongan susah, kerana penggunaan rak Bizmart Pending ini tidak mengasingkan siapa yang mampu membeli dan siapa yang terdesak. Ianya terbuka untuk semua. Akhir sekali rak ini mampu memberikan makanan percuma kepada golongan sasar dengan lebih tepat dari kaedah penilaian sendiri. Semua kebaikan ini menambah-baik dari rak makanan biasa dan gerobok rezeki.

Bizmart Pending telah menjalankan beberapa projek kutipan dana oleh kumpulan pelajar e-PJJ UiTM Kota Bharu dan membantu mendapatkan dana untuk pembelian makanan. Sebanyak tiga kali kutipan dana dilakukan dan ramai pihak membantu untuk memeriahkan stok makanan rak Bizmart Pending. Sebagai contoh pada September 2017, para pelajar telah berjaya mengumpulkan RM1709.00 dan membeli makanan di pasaraya untuk memenuhi rak Bizmart Pending. Pelajar juga telah menggunakan platform media sosial untuk hebahan www.facebook.com/bizmartpending.



Gambar 2: Kempen Dana Rak *Bizmart Pending* 2017 bersama pelajar ePJJ UiTM Kota Bharu

Bizmart Pending telah banyak menerima anugerah didalam inovasi rekacipta sehingga peringkat antara bangsa. *Bizmart Pending* juga telah mendapat siaran akhbar di Sinar Harian 25 September 2017 dan mendapat perhatian RTM 1 di slot Berita Wilayah pada 28 April 2019 bersama pautan youtube: <https://youtu.be/tR4aNTwTnEM>.

Maklumat tambahan *Bizmart Pending*

1. International Bujang Valley Innovation, Invention and Design Competition (BVIIEC) 2019, UiTM Kedah, Silver Medal
2. Invention, Innovation and Design Exposition (IINDEX) 2017, UiTM Shah Alam, Silver Medal
3. Staff Invention, Innovation and Design Exposition (SIINDEX) 2017, UiTM Cawangan Kelantan, Gold Award
4. Staff Invention, Innovation and Design Exposition (SIINDEX) 2017, UiTM Cawangan Kelantan, Best Innovation
5. Staff Invention, Innovation and Design Exposition (SIINDEX) 2017, UiTM Cawangan Kelantan, Best Commercialization Award
6. National Academic Symposium of Social Science NASSC2019 UiTM Kelantan. (Chapter in Book) ISBN 9789671717981
7. UiTM Entrepreneurial Award (UiEA 2017) ISBN 9789671543498
8. Strategic Entrepreneurship: Bizmart Pending as a Platform For Social Entrepreneurship Model in Higher Education Institutions, Kaizenrenovation 2018
9. Strategic Entrepreneurship: Bizmart Pending as a Platform For Social Entrepreneurship Model, (Chapter in Book, ZAWFI; Zakat, Waqaf, Filantropi Islam, ACIS UiTM Shah Alam 2017) ISBN 9789670171791
10. BVIIEC2019 Extended Abstract Book, ISBN 9789670314792 June 2019